



HOMESCHOOLING (PEMBELAJARAN DI RUMAH) SEBAGAI PENDEKATAN ALTERNATIF DALAM PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN (PdP) BAHASA ARAB UNTUK MURID SEKOLAH RENDAH B40

HOMESCHOOLING AS AN ALTERNATIVE APPROACH IN THE TEACHING AND LEARNING OF ARABIC LANGUAGE FOR B40 PRIMARY SCHOOL PUPILS

Wan Nur Izzati Hazwani binti Kashfi¹, Norhayati Che Hat¹, Nurazan Mohmad Rouyan¹

Fakulti Bahasa Dan Komunikasi, Universiti Sultan Zainal Abidin
(UniSZA) Gong Badak, Terengganu, Malaysia

Abstrak

Homeschooling adalah alternatif pendidikan yang berlaku di rumah di bawah kawalan ibu bapa atau tenaga pengajar berpandukan kurikulum tersendiri. Di Malaysia, konsep homeschooling mula mendapat tempat dan mula diamalkan oleh kebanyakan keluarga yang memilih untuk mengambil tanggungjawab mendidik anak-anak mereka mengikut acuan sendiri. Terdapat banyak kelebihan homeschooling yang menyebabkan ibu bapa memilih pendekatan ini, seperti aturan kurikulum tersendiri, tempoh masa pembelajaran yang fleksibel, amalan komunikasi dan persekitaran yang aktif, serta galakan terhadap sokongan moral dan lingkungan sosial yang sihat. Justeru, kajian ini bertujuan untuk melihat keperluan pendekatan alternatif homeschooling terhadap murid sekolah rendah B40 yang sering dihubungkan dengan permasalahan pembelajaran dalam pelbagai subjek harian sekolah, termasuklah subjek bahasa asing iaitu bahasa Arab. Fokus kajian adalah mengenal pasti permasalahan pembelajaran dihadapi oleh murid sekolah rendah B40 serta faktor-faktornya, seterusnya melihat keperluan semasa homeschooling sebagai pendekatan dalam pengajaran dan pembelajaran bagi subjek bahasa Arab. Satu kaji selidik telah disebarluaskan kepada 30 orang responden terdiri daripada guru dan tutor bahasa Arab di sekitar Kota Bharu dan Selangor yang mempunyai beberapa ciri khusus. Data diperolehi telah dianalisis melalui perisian komputer Statistical Package for the Social Sciences (SPSS) versi 29.0.1.0 untuk melihat min dan peratusan hasil kajian. Hasil dapatan kajian menunjukkan bahawa murid-murid B40 dilihat mengalami permasalahan pembelajaran pada tahap sederhana tinggi berpunca daripada faktor yang menyumbang kepada kecinciran mereka ($Min=3.30$, $SP=0.75$). Manakala, para responden menunjukkan kecenderungan yang tinggi terhadap

Perkembangan Artikel

Diterima: 13 Disember 2023

Disemak: 1 Mac 2024

Diterbit: 30 April 2024

*Corresponding Author: Wan Nur Izzati Hazwani binti Kashfi, Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA) Gong Badak, Terengganu

[Email: kashfizati98@gmail.com](mailto:kashfizati98@gmail.com)

pengenalan pendekatan alternatif homeschooling ($Min=4.28$, $SP=0.44$) serta kriteria pendekatan alternatif homeschooling dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab untuk murid sekolah rendah B40 ($Min=4.31$, $SP=0.44$). Kesimpulannya, terdapat keperluan semasa yang positif terhadap homeschooling sebagai pendekatan dalam pengajaran dan pembelajaran bagi mata pelajaran bahasa Arab untuk murid sekolah rendah B40. Oleh itu, kerjasama dan sokongan pihak-pihak tertentu adalah diperlukan dalam memastikan perkembangan dan pembangunan alternatif homeschooling dimanfaatkan bersama untuk kepentingan pendidikan murid B40.

Kata kunci: Homeschooling, alternatif pendidikan, permasalahan pembelajaran, murid B40

Abstract

Homeschooling is an alternative form of education conducted at home under the supervision of parents or instructors based on a customized curriculum. In Malaysia, the concept of homeschooling is gaining traction and is increasingly being practiced by many families who choose to take responsibility for educating their children according to their own standards. There are many advantages to homeschooling that lead parents to choose this approach, such as having a personalized curriculum, flexible learning hours, active communication and learning environments, as well as the promotion of moral support and a healthy social setting. Therefore, this study aims to examine the need for the homeschooling alternative approach for B40 primary school students, who are often associated with learning difficulties across various daily school subjects, including foreign languages such as Arabic. The focus of the study is to identify the learning challenges faced by B40 primary students and their contributing factors, as well as to assess the current need for homeschooling as an approach in the teaching and learning of the Arabic language. A survey was distributed to 30 respondents consisting of Arabic language teachers and tutors from the Kota Bharu and Selangor areas who met specific criteria. The data collected were analyzed using the Statistical Package for the Social Sciences (SPSS) software version 29.0.1.0 to determine the mean and percentage results of the study. Findings indicated that B40 students face moderate to high levels of learning difficulties due to factors contributing to their educational setbacks ($Mean=3.30$, $SD=0.75$). Meanwhile, the respondents showed a high tendency toward the adoption of the homeschooling alternative approach ($Mean=4.28$, $SD=0.44$), as well as positive views on the criteria of this approach in the teaching and learning of Arabic for B40 primary school students ($Mean=4.31$, $SD=0.44$). In conclusion, there is a positive current need for homeschooling as an approach in the teaching and learning of Arabic for B40 primary school students. Therefore, cooperation and support from relevant parties are essential to ensure that the development and implementation of the homeschooling alternative is effectively utilized for the benefit of B40 students' education.

Keywords: Homeschooling, educational alternative, learning difficulties, B40 students

PENGENALAN / INTRODUCTION

Homeschooling atau pendidikan di rumah mula mendapat tempat dan semakin berkembang di seluruh dunia, termasuklah Malaysia. Homeschooling merupakan kaedah pendidikan alternatif berlatar belakangkan suasana pembelajaran di rumah serta diselia sepenuhnya oleh ibu bapa (Rajamony, 2008; Ray, 2000). Homeschooling juga menjadi pilihan kebanyakan ibu bapa yang ingin mengambil tanggungjawab dalam mendidik dan membentuk perkembangan dan pengetahuan anak-anak, di samping mengekalkan nilai dan kepercayaan dalam keluarga masing-masing (Ray, 2009; Kim-Soon et al., 2015). Konsep alternatif ini secara umumnya dilihat bersesuaian untuk diaplikasikan oleh semua golongan masyarakat, tidak kira had umur dan latar belakang mereka. Homeschooling tidak hanya eksklusif kepada golongan yang mempunyai pendapatan tinggi, malah homeschooling turut diamalkan oleh golongan yang berpendapatan rendah serta kerap diamalkan oleh suku kaum minoriti contohnya minoriti Afrika di Amerika Syarikat sepetimana yang berlaku di serata dunia hari ini (Wu, Cheng-Hsien, 2013; Ray, 2017; Yusron & Nadlif, 2021). Berbekalkan komitmen dan perancangan yang cukup oleh ibu bapa, homeschooling dapat dilaksanakan terhadap anak-anak dengan baik.

Hal ini justeru membuka satu ruang dan peluang pendidikan buat golongan berpendapatan rendah di Malaysia yang sering dikaitkan dengan permasalahan pembelajaran menyebabkan mereka tercicir pendidikan seterusnya membantutkan peluang mereka untuk memajukan diri. Golongan B40 atau Bottom 40% di Malaysia merupakan golongan pendapatan keluarga di bawah gaji bulanan minimum di Malaysia. Sebanyak 40% daripada populasi penduduk Malaysia adalah tergolong di dalam kumpulan ini dengan pendapatan isi rumah dalam anggaran RM4,850 ke bawah (Albert Allang et al., 2019). Ini termasuk kanak-kanak daripada keluarga atau penempatan miskin bandar, luar bandar dan pinggir bandar, kanak-kanak yang tinggal di kawasan terpencil, kanak-kanak berkeperluan pendidikan khas, kanak-kanak orang asli dan tidak berdokumen, kanak-kanak yang tinggal di ladang dan pelarian (Albert Allang et al., 2019; Zakari et al., 2022). Dalam melahirkan generasi berwawasan tinggi, berkebolehan serta berpandangan ke hadapan, pendekatan alternatif homeschooling dilihat dapat menanam benih-benih pengetahuan ke dalam jiwa, minda dan kehidupan anak-anak melalui pendidikan di rumah yang berlaku secara semulajadi melalui penyeliaan ibu bapa.

KAJIAN LITERATUR

Menurut kajian-kajian terdahulu, terdapat beberapa permasalahan pembelajaran yang sering dikaitkan dengan murid B40. Antaranya ialah tahap penguasaan kemahiran membaca dan menulis yang rendah, tahap kehadiran ke sekolah yang rendah, penyertaan aktiviti yang tidak memuaskan menyebabkan ketinggalan dalam pelajaran dan hilang daya tumpuan serta motivasi dalam pembelajaran (Abdul Rasid et al., 2012; Ganesan, 2013; Zamri Mahamod, 2021; Masita Mt.Zin et al., 2021). Tambahan pula, isu dan permasalahan pembelajaran murid B40 ini berlaku dalam segenap aspek, bukan sahaja dalam subjek utama atau penting, bahkan dalam subjek matapelajaran tambahan dan bahasa asing, termasuklah bahasa Arab. Bahasa Arab merupakan salah satu bahasa yang mempunyai signifikansi di Malaysia. Bahasa Arab sering dianggap sebagai bahasa unik dan istimewa, kerana peranannya yang besar dalam agama Islam dan pelaksanaan ibadah. Namun begitu, tidak dinafikan bahasa Arab masih lagi bergelut dengan isu penerimaan masyarakat muslim dan isu-isu keupayaan pelajar menguasainya sebagai bahasa perhubungan dan komunikasi (Abdul Razif Zaini et al., 2019).

Antara permasalahan pembelajaran bahasa Arab yang dihadapi oleh murid di sekolah rendah adalah kedudukan bahasa Arab sebagai bahasa asing, mewujudkan persekitaran, subjek tidak wajib lulus menyebabkan murid kurang memberi tumpuan dan kekurangan guru yang berkemampuan dan berkompetensi (Abdul Razif Zaini et al., 2019; Firdaus Abdul Manaf et al., 2021). Di samping itu, terdapat juga halangan dankekangan dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab seperti kurang penggunaan teknologi, pengajaran bersifat permainan kurang diperlakukan, anggapan murid dan ibu bapa, hala tuju pembelajaran bahasa Arab serta sikap dan motivasi pelajar itu sendiri (Nazilah Mohamad et al., 2017; Abdullah et al., 2015). Isu-isu ini juga turut dialami oleh sebahagian besar murid sekolah rendah B40 sehingga menyebabkan mereka tidak dapat mengikuti pembelajaran bahasa Arab dengan baik. Kesemua permasalahan pembelajaran bahasa Arab yang berlaku dalam kalangan murid sekolah rendah B40 ditambah pula dengan permasalahan pembelajaran yang dihadapi secara umum ini telah menyumbang kepada fenomena keciciran pendidikan.

Terdapat beberapa faktor vital yang memainkan peranan dalam permasalahan pembelajaran murid B40. Antaranya ialah faktor sosioekonomi keluarga, faktor penglibatan dan sokongan ibu bapa, personaliti pelajar, budaya dan persekitaran, gaya pengajaran guru serta pengaruh rakan sebaya (Ganesan, 2013; Zarina Arshat et al., 2018; Mahamod et al., 2021; Albert Allang et al., 2019; Kitha, 2021; Zakari et al., 2022). Faktor-faktor ini telah menyebabkan akses pendidikan berkualiti yang sepatutnya diraih murid sekolah rendah tidak dapat diberikan dengan sebaiknya. Sekiranya keadaan ini berterusan, tidak mustahil lebih banyak golongan murid sekolah rendah B40 yang hilang peluang untuk mendapatkan pendidikan demi memajukan diri dan keluarga mereka.

Dalam membendung isu keciciran pendidikan dalam kalangan murid sekolah rendah B40, serta membantu mengatasi sebahagian permasalahan pembelajaran bahasa Arab, solusi baharu perlu dicadangkan bersesuaian dengan situasi terkini mereka. Menurut Zarina Arshat dan Zanariah Ismail (2018), terdapat beberapa kekuatan dalam keluarga B40 yang boleh membantu mereka mencapai potensi diri, iaitu komunikasi yang baik, pengurusan kewangan yang cekap dan berkesan serta sokongan moral dan sosial yang positif. Intervensi juga perlu diwujudkan oleh pihak luar bagi mengurangkan impak tekanan yang dialami oleh keluarga berpendapatan rendah dalam meneruskan kehidupan sehari-hari dan membantu mereka dalam membentuk jati diri dan membina ketahanan dalam diri serta resilien mereka dengan lebih baik lagi (Zarina Arshat et al., 2018; Zulliana Hasan, Nor Shafrin Ahmad, 2022). Murid-murid keluarga B40 memerlukan sokongan banyak pihak seperti sokongan guru kelas, guru mata pelajaran, ibu bapa dan rakan sebaya untuk berjaya dalam pelajaran (Mahamod et al., 2021). Seiring dengan itu, satu reformasi dan revolusi pemikiran dan usaha secara kolektif oleh para pendidik bahasa Arab juga perlu dilakukan dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab dalam usaha mengatasi permasalahan pembelajaran yang berlaku dalam kalangan murid ini (Abdullah et al., 2015).

Oleh itu, kajian ini menyelidik tentang keperluan semasa terhadap pendekatan homeschooling sebagai alternatif pembelajaran dalam pendidikan Bahasa Arab untuk murid sekolah rendah B40 di Malaysia sebagai salah satu usaha dan intervensi yang boleh dilakukan dalam menyediakan akses pendidikan berkualiti dan ekuiti terhadap mereka. Kelebihan homeschooling yang mengutamakan konsep pembelajaran di rumah, mementingkan komunikasi dan persekitaran yang sihat, sokongan moral dan lingkungan sosial yang positif dilihat dapat membantu murid sekolah rendah B40 dalam mencapai potensi mereka dalam pendidikan.

OBJEKTIF KAJIAN

Kajian ini dijalankan adalah untuk mencapai objektif-objektif berikut:

1. Mengenal pasti isu dan permasalahan yang berlaku dalam kalangan murid sekolah rendah B40 dalam aktiviti pengajaran dan pembelajaran.
2. Mengenal pasti dan menganalisis kriteria pendekatan homeschooling sebagai alternatif pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab untuk murid sekolah rendah B40.

METODOLOGI

Kajian ini merupakan kajian kuantitatif secara tinjauan melalui soal selidik serta tidak melibatkan pengujian hipotesis. Ianya bertujuan untuk mengenal pasti secara menyeluruh permasalahan pembelajaran dihadapi oleh murid sekolah rendah B40 serta faktor-faktornya, seterusnya melihat keperluan semasa homeschooling sebagai pendekatan alternatif dalam pengajaran dan pembelajaran bagi subjek bahasa Arab. Kajian ini dijalankan hanya di dua buah daerah negeri iaitu Kota Bharu dan Selangor.

Kajian ini menggunakan soal selidik sebagai instrumen pengumpulan data. Soal selidik yang digunakan terhasil daripada rujukan kajian-kajian lepas, manakala untuk kriteria pendekatan pendidikan alternatif homeschooling dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab untuk murid sekolah rendah B40 adalah berdasarkan soal selidik yang dibangunkan oleh Mohd. Nazri Ab Rahman (2014). Walau bagaimanapun soal selidik ini telah diubahsuai mengikut kesesuaian kajian yang dilakukan. Sebanyak 17 item telah dihasilkan bagi mengukur isu dan permasalahan pembelajaran murid B40 serta faktor-faktornya, manakala selebihnya 28 item adalah untuk mengukur kriteria pendekatan pendidikan alternatif homeschooling untuk murid B40.

Kajian ini menggunakan kaedah persampelan bersifat bertujuan (Purposive Sampling). Seramai 30 orang peserta kajian dipilih bersifat bertujuan terdiri daripada 23 orang guru dan 7 orang tutor bahasa Arab yang mempunyai dua kriteria utama iaitu; berpengalaman mengajar bahasa Arab di sekolah-sekolah rendah kebangsaan atau di pusat tuisyen masing-masing, serta mempunyai pengalaman secara langsung terhadap aktiviti pengajaran dan pembelajaran bersama murid-murid B40 di sekitar Selangor dan Kota Bharu. Pensampelan bertujuan adalah melibatkan pertimbangan individu untuk memilih sampel, iaitu berdasarkan pengetahuan penyelidik dan tujuan khusus penyelidikan (Noraini Idris, 2013).

ANALISIS DATA

Analisis data bagi kaedah soal selidik diproses secara statistik deskriptif iaitu peratusan, min dan sisihan piawai melalui perisian komputer Statistical Package for the Social Sciences versi 29 (IBM SPSS 29). Analisis deskriptif digunakan dalam kajian ini untuk membincangkan mengenai isu dan permasalahan pembelajaran murid B40 serta faktor-faktornya serta kriteria pendekatan pendidikan alternatif homeschooling untuk murid B40. Bagi menjawab persoalan tersebut penyelidik menggunakan interpretasi skor min yang dikemukakan oleh Nunnally (1978) seperti dalam jadual 1.

<i>Skor Min</i>	<i>Interpretasi Skor Min</i>
1.00 – 2.00	Rendah

2.01 – 3.00	Sederhana Rendah
3.01 – 4.00	Sederhana Tinggi
4.01 – 5.00	Tinggi

DAPATAN KAJIAN

Hasil dapatan kajian menunjukkan bahawa murid-murid B40 dilihat mengalami permasalahan pembelajaran pada tahap sederhana tinggi berpunca daripada faktor yang menyumbang kepada keciran mereka. Manakala pengenalan pendekatan alternatif *homeschooling* serta kriteria pendekatan alternatif *homeschooling* dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab untuk murid sekolah rendah B40 pula berada pada tahap yang tinggi.

Isu dan Permasalahan Pembelajaran Murid Sekolah Rendah B40

Soal selidik dalam bahagian ini terbahagi kepada dua kategori iaitu isu dan permasalahan pembelajaran murid sekolah rendah B40 yang mengandungi 9 item, serta faktor yang mempengaruhi permasalahan pembelajaran murid sekolah rendah B40 yang mengandungi 8 item. Min keseluruhan item bagi konstruk Isu dan Permasalahan Pembelajaran Murid Sekolah Rendah B40 ialah 3.30 dengan sisihan piawai sebanyak 0.75 berada pada tahap interpretasi min sederhana tinggi (3.01 – 4.00). Dapatkan ini menunjukkan bahawa murid sekolah rendah B40 adalah mengalami permasalahan-permasalahan dalam pembelajaran mereka secara berterusan dan permasalahan-permasalahan tersebut berkemungkinan tinggi dipengaruhi oleh faktor-faktor yang dikaji.

Dapatkan menunjukkan 14 daripada 17 item berada pada tahap sederhana tinggi (3.01 – 4.00) dengan nilai min antara 3.93 hingga 3.10. Ini menjelaskan bahawa murid sekolah rendah B40 secara berterusan mengalami permasalahan-permasalahan dalam pembelajaran mereka seperti kurang fasih membaca dan memahami teks dalam aktiviti membaca, kurang mahir membina ayat dan mempunyai penguasaan kosa kata yang rendah dalam aktiviti penulisan serta tidak mempunyai kelengkapan dan peralatan pembelajaran yang mencukupi untuk persekolahan.

Dapatkan juga menunjukkan bahawa hanya terdapat tiga item yang berada pada tahap rendah bagi tahap sederhana tinggi iaitu item ‘Permasalahan pembelajaran murid sekolah rendah B40 dipengaruhi oleh gaya pengajaran guru yang bersifat tradisional’ (Min = 2.50, SP = 1.25). Item kedua terendah pula ialah ‘Daya tumpuan semasa pembelajaran murid sekolah rendah B40 adalah menurun berbanding rakan-rakan lain’ (Min = 2.57, SP = 1.10). Seterusnya diikuti oleh item ‘Tahap motivasi murid sekolah rendah B40 dalam pembelajaran adalah rendah berbanding rakan-rakan lain’ (Min = 2.70, SP = 1.12).

Skor min yang tertinggi bagi konstruk Isu dan Permasalahan Pembelajaran Murid Sekolah Rendah B40 ialah item yang merujuk kepada ‘Kurang penglibatan dan sokongan oleh ibu bapa mempengaruhi permasalahan pembelajaran murid sekolah rendah B40’ (Min = 3.93, SP = 1.11). Dapatkan kajian menunjukkan bahawa seramai 23 orang guru dan tutor (76.6%) bersetuju dan sangat bersetuju bahawa permasalahan pembelajaran murid B40 adalah dipengaruhi oleh kurang penglibatan dan sokongan ibu bapa mereka. Namun begitu terdapat tiga orang responden (10%) yang sangat tidak bersetuju dan tidak setuju, serta 4 orang responden (13.3%) yang tidak pasti dengan pernyataan tersebut.

Manakala skor min kedua tertinggi ialah item ‘Persekutaran kehidupan yang kurang kondusif mempengaruhi permasalahan pembelajaran murid sekolah rendah B40’ (Min = 3.73, SP = 0.98), diikuti oleh skor min ketiga tertinggi iaitu item ‘Faktor sosioekonomi dan kewangan keluarga mempengaruhi permasalahan pembelajaran murid sekolah rendah B40’ (Min = 3.70, SP = 1.26).

Hasil daptan kajian menunjukkan bahawa secara keseluruhannya guru dan tutor adalah bersetuju bahawa permasalahan pembelajaran murid sekolah rendah B40 adalah dipengaruhi oleh pelbagai faktor terutamanya kurang penglibatan dan sokongan ibu bapa, sosioekonomi dan kewangan keluarga, persekitaran kehidupan yang kurang kondusif, di samping sikap pasif murid itu sendiri, kurang komunikasi dan hubungan yang tidak harmoni antara ibu bapa dengan murid serta berpunca daripada pengaruh negatif daripada rakan sebaya.

Pengenalan Pendekatan Pendidikan Alternatif *Homeschooling* Untuk Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Arab

Pengenalan pendekatan pendidikan alternatif *homeschooling* dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab merupakan elemen penting dalam kajian bagi mengenalpasti sejauh mana pengetahuan umum guru dan tutor bahasa Arab terhadap konsep *homeschooling* serta keperluannya untuk diaplikasikan dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab. Dapatan kajian menunjukkan hasil analisis bagi konstruk Pengenalan Pendekatan Pendidikan Alternatif *Homeschooling* untuk Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Arab bagi nilai min keseluruhan ialah 4.28 dengan sisihan piawai sebanyak 0.44 berada pada tahap interpretasi min yang tinggi.

Dapatan menunjukkan bahawa hampir kesemua item iaitu 10 daripada 11 item dalam konstruk Pengenalan Pendekatan Pendidikan Alternatif *homeschooling* dalam Pengajaran Dan Pembelajaran Bahasa Arab berada pada tahap yang tinggi dengan nilai min antara 4.53 hingga 4.03. Skor min yang tertinggi bagi konstruk ialah item yang merujuk kepada ‘Pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab memerlukan pendekatan pengajaran yang lebih aktif, kreatif dan berpusatkan pelajar’ (Min = 4.53, SP = 0.51). Dapatan kajian menunjukkan bahawa seramai 14 orang guru dan tutor bahasa Arab (46.7%) adalah bersetuju dan seramai 16 orang guru dan tutor bahasa Arab (53.3%) adalah sangat bersetuju bahawa pendekatan pengajaran yang lebih aktif, kreatif dan berpusatkan pelajar adalah diperlukan dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab.

Manakala skor min kedua tertinggi ialah item ‘Pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab memerlukan perancangan dan kaedah yang baik bagi menghasilkan pembelajaran yang lebih efektif’ (Min = 4.47, SP = 0.73), diikuti oleh skor min ketiga tertinggi iaitu item ‘Saya mengetahui tentang istilah pembelajaran di rumah/*homeschooling*’ (Min = 4.37, SP = 0.56) dan item ‘Saya mengetahui bahawa *homeschooling* adalah pembelajaran anak-anak di rumah yang diselia ibu bapa sepenuhnya atau dengan bantuan tenaga pengajar’ (Min = 4.37, SP = 0.56). Dapatan juga menunjukkan hanya satu daripada 11 item yang memperolehi skor min sederhana tinggi bagi tahap interpretasi min tinggi iaitu item ‘Saya mengetahui bahawa *homeschooling* adalah berasaskan kurikulum tersendiri mengikut kesesuaian keperluan pembelajaran anak-anak’ (Min = 3.97, SP = 0.96).

Ini menunjukkan bahawa guru dan tutor mempunyai pengetahuan umum yang meluas mengenai pendekatan pendidikan alternatif *homeschooling* meliputi istilah dan definisi *homeschooling* iaitu pembelajaran anak-anak di rumah yang diselia ibu bapa sepenuhnya atau dengan bantuan tenaga pengajar, mengetahui *homeschooling* sebagai salah satu pendekatan pendidikan

alternatif di Malaysia serta mengetahui bahawa waktu dan suasana pembelajaran semasa *homeschooling* adalah fleksibel. Selain itu, dapatan juga menunjukkan bahawa guru dan tutor juga mempunyai pengetahuan umum yang meluas mengenai kedudukan bahasa Arab, serta fungsi dan kepentingannya, dan keperluannya terhadap satu perancangan pengajaran dan kaedah yang lebih aktif, kreatif dan berpusatkan pelajar bagi menghasilkan pembelajaran yang lebih efektif.

Kriteria Pendekatan Pendidikan Alternatif Homeschooling Dalam Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Arab Untuk Murid Sekolah Rendah B40

Kriteria pendekatan pendidikan alternatif *homeschooling* merupakan bahagian yang paling utama dalam menentukan ciri-ciri pendekatan *homeschooling* yang sesuai untuk diaplikasikan ke dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab untuk murid sekolah rendah B40. Terdapat 17 item yang telah dibina dalam konstruk ini meliputi empat kriteria utama iaitu modul, pelaksanaan, masa dan jenis aktiviti pembelajaran. Min keseluruhan item bagi konstruk ini ialah 4.31 dengan sisihan piawai sebanyak 0.44 berada pada tahap interpretasi min tinggi.

Dapatkan menunjukkan 15 daripada 17 item berada pada tahap tinggi (4.01 – 5.00) dengan nilai min antara 4.60 hingga 4.13. Ini menjelaskan bahawa tinjauan awal bagi kriteria-kriteria pendekatan pendidikan alternatif *homeschooling* yang dibina melibatkan modul, pelaksanaan, masa dan jenis aktiviti untuk pengajaran dan pembelajaran murid sekolah rendah B40 diterima dengan baik dan terbuka oleh para guru dan tutor bahasa Arab.

Skor min yang tertinggi bagi konstruk kriteria pendekatan pendidikan alternatif *homeschooling* ialah item yang merujuk kepada ‘Mendidik murid sekolah rendah B40 untuk menguasai empat kemahiran asas dalam pembelajaran bahasa Arab iaitu mendengar, bertutur, membaca dan menulis’ (Min = 4.60, SP = 0.50), dan item ‘Mendidik murid sekolah rendah B40 untuk memahami dan menghayati amalan-amalan Fardhu ‘Ain dalam kehidupan sehari-hari mereka melalui pendedahan berterusan terhadap bahasa Arab’ (Min = 4.60, SP = 0.50).

Dapatkan juga menunjukkan bahawa hanya terdapat dua item yang berada pada tahap sederhana tinggi bagi tahap interpretasi min tinggi iaitu item ‘Pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran hendaklah dijalankan secara berseorangan’ (Min = 3.37, SP = 1.16). Dapatkan menunjukkan hanya seramai 13 orang guru dan tutor bahasa Arab (43.3%) adalah bersetuju dan sangat bersetuju dan seramai 8 orang responden (26.7%) adalah tidak pasti serta 9 orang responden (30%) adalah tidak bersetuju. Manakala bagi item kedua berada pada tahap sederhana tinggi iaitu ‘Pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran hendaklah dijalankan secara berkumpulan seperti 5-6 orang bagi setiap sesi’ (Min = 3.67, SP = 1.16). Dapatkan menunjukkan seramai 22 orang guru dan tutor bahasa Arab (73.3%) adalah bersetuju dan sangat bersetuju dan seramai 2 orang responden (6.7%) adalah tidak pasti serta hanya 6 orang responden (20%) tidak bersetuju dan sangat tidak bersetuju.

Hasil dapatan kajian menunjukkan bahawa guru dan tutor bahasa Arab menunjukkan respon yang baik dan positif terhadap cadangan kriteria-kriteria pendekatan pendidikan alternatif *homeschooling* yang dibina untuk pengajaran dan pembelajaran murid sekolah rendah B40. Kriteria-kriteria ini adalah melibatkan ciri-ciri modul *homeschooling* bahasa Arab untuk murid sekolah rendah B40 seperti modul yang digunakan hendaklah menepati matlamat Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) Bahasa Arab yang telah ditetapkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia, dan

hendaklah sesuai dengan keperluan pembelajaran murid sekolah rendah B40.

Selain itu, kriteria-kriteria pelaksanaan dan masa bagi *homeschooling* bahasa Arab untuk murid sekolah rendah B40 adalah seperti pemilihan pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran hendaklah dijalankan sama ada secara berseorangan atau berkumpulan, pelaksanaannya perlu dijalankan di tempat yang kondusif dan selamat, pelaksanaannya hendaklah berdasarkan model pembelajaran *homeschooling* yang bersesuaian dengan murid sekolah rendah B40, serta pelaksanaannya hendaklah dalam tempoh masa pembelajaran yang sesuai.

PERBINCANGAN DAPATAN KAJIAN

Permasalahan Pembelajaran yang Dihadapi oleh Murid Sekolah Rendah B40 dan Faktor-faktor yang Mempengaruhinya

Kajian yang dijalankan ini telah memberi paparan senario yang jelas melibatkan permasalahan pembelajaran yang sering dihadapi oleh murid sekolah rendah golongan B40 dari kaca mata pemerhatian guru dan tenaga pengajar mereka. Permasalahan-permasalahan ini sering dikaitkan dengan dimensi faktor yang pelbagai. Dalam konteks kajian ini, secara keseluruhannya interpretasi min bagi Isu dan Permasalahan Pembelajaran Murid Sekolah Rendah B40 berada pada tahap sederhana tinggi, manakala Pengenalan Pendekatan Pendidikan Alternatif *Homeschooling* dalam Pengajaran dan Pembelajaran bahasa Arab serta Kriteria Pendekatan Pendidikan Alternatif *Homeschooling* Dalam Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Arab Untuk Murid Sekolah Rendah B40 berada pada tahap yang tinggi.

Dapatan kajian menunjukkan bahawa isu dan permasalahan pembelajaran yang sering dihadapi oleh murid sekolah rendah B40 adalah tahap penguasaan kemahiran membaca dan menulis yang rendah seperti kurang fasih membaca dan memahami teks, dan kurang mahir membina ayat menggunakan kosa kata yang pelbagai. Menurut Abdul Rasid dan Zulkafli, (2008), Abdul Rasid dan rakan-rakan (2012), dan Zamri Mahamod dan rakan-rakan (2021), tahap penguasaan kemahiran membaca dan menulis yang lemah seringkali diujarkan sebagai permasalahan pembelajaran yang kerap dialami oleh murid luar bandar dan daripada keluarga berpendapatan rendah dan sederhana.

Selain itu, dapatan kajian menunjukkan bahawa murid sekolah rendah B40 juga sering dilihat tidak mempunyai kelengkapan dan peralatan pembelajaran yang mencukupi untuk persekolahan di samping kurang terlibat dalam aktiviti sekolah yang memerlukan perbelanjaan yang tinggi. Dapatan ini selari dengan kajian Nor Hamizah (2016), Masita Mt. Zin dan rakan-rakan (2021), serta Zamri Mahamod dan rakan-rakan (2021), yang mendapati kumpulan/ keluarga B40 ini tidak dapat menyediakan walau kemudahan-kemudahan asas untuk pendidikan anak mereka. Mereka juga turut tidak dapat menyediakan akses pendidikan yang baik seperti yuran penyertaan program akademik, bahan bantu pembelajaran dan tuisyen untuk anak-anak mereka. Akhirnya, kesemua permasalahan-permasalahan yang dihadapi oleh murid sekolah rendah B40 ini boleh mendorong mereka kepada tahap kehadiran yang rendah seterusnya tercicir daripada mengikuti sesi pembelajaran (Norfarahzatul Asikin Zahari et al., 2022).

Pada masa yang sama, dapatan kajian menunjukkan bahawa daya tumpuan semasa pembelajaran dan tahap motivasi murid sekolah rendah B40 adalah sebaliknya berada pada tahap yang baik berbanding dengan permasalahan-permasalahan lain. Ini menjelaskan bahawa murid

sekolah rendah B40 mempunyai keupayaan ketahanan dan tahap resilien yang baik berdasarkan daya tumpuan dan tahap motivasi yang baik dalam pembelajaran walaupun mereka menghadapi pelbagai kesulitan lain dalam pembelajaran. Dapatkan ini adalah selari dengan kajian Zarinah Arshat dan rakan-rakan (2018) mengenai kekuatan dan ketahanan yang dipamerkan dalam sesetengah keluarga B40 dari sudut komunikasi dan sokongan sosial yang berlaku di antara anggota keluarga mereka dalam menghadapi tekanan hidup. Komunikasi dan sokongan sosial yang baik boleh mendorong motivasi murid B40 seterusnya menyebabkan mereka dapat memberikan tumpuan dan fokus yang tinggi semasa pembelajaran untuk meraih pencapaian yang diinginkan. Namun, dapatkan ini bertentangan dengan kajian Zulliana Hasan dan rakan-rakan (2021) yang menyatakan bahawa murid B40 mempamerkan tahap resilien yang keadaan rendah, sangat rendah dan sederhana rendah dalam pencapaian akademik mereka.

Terdapat pelbagai dimensi faktor yang mempengaruhi permasalahan pembelajaran murid sekolah rendah B40. Namun, dapatkan kajian menunjukkan faktor kurang penglibatan dan sokongan ibu bapa, sosioekonomi dan kewangan keluarga, dan persekitaran kehidupan yang kurang kondusif dilihat paling banyak mempengaruhi permasalahan pembelajaran murid sekolah rendah B40. Dapatkan ini adalah sejajar dengan kajian Albert Allang dan rakan-rakan (2019) yang menyatakan bahawa penglibatan dan sokongan ibu bapa merupakan salah satu faktor penentu dalam pembelajaran murid-murid, terutamanya untuk murid-murid B40 yang memerlukan sokongan fizikal dan moral dalam menghadapi keadaan sosioekonomi yang sukar. Menurut Anisa Saleha (2015), ibu bapa yang sentiasa mengambil berat tentang pendidikan anak-anak akan sedaya upaya terlibat dan memberikan sokongan, dorongan dan motivasi terhadap pembelajaran anak-anak.

Sebaliknya, ibu bapa yang kurang komited tentang pelajaran anak-anak boleh membawa kepada keciciran sekolah. Kesibukan kedua-dua orang ibu bapa B40 yang bekerja lebih masa atau membuat kerja tambahan untuk mencari nafkah hidup yang secukupnya bagi menampung perbelanjaan keluarga menyebabkan mereka kesuntukan masa untuk memantau perkembangan pelajaran anak-anak mereka (TH. Subra et al., 2019). Seterusnya, dapatkan juga menunjukkan faktor sosioekonomi sebagai faktor vital dalam pembelajaran anak-anak B40. Menurut Norfarahzatul Asikin Zakari (2022), pengaruh latar belakang sosioekonomi keluarga B40 seperti tahap pendidikan ibu bapa dan pekerjaan mereka, serta kadar pendapatan dan keadaan kewangan yang terhad memberi implikasi daripada pelbagai sudut dalam pendidikan dan kehidupan anak-anak B40. Hal ini merangkumi ketidakupayaan ibu bapa dalam menyediakan persekitaran kehidupan yang kondusif dan selamat untuk perkembangan pembelajaran anak-anak. Tempat kediaman yang kecil dan bising seperti ketiadaan ruang membaca atau bilik asing untuk menelaah mempengaruhi keadaan motivasi anak-anak untuk belajar (Siti Masayu Rosliah & Narimah Samat, 2018).

Di samping itu, dapatkan kajian menunjukkan bahawa sikap pasif murid itu sendiri, kurang komunikasi dan hubungan yang tidak harmoni antara ibu bapa dengan murid serta pengaruh negatif daripada rakan sebaya turut menyumbang kepada permasalahan pembelajaran murid sekolah rendah B40. Dapatkan ini adalah sejajar dengan pandangan Norfarahzatul Asikin Zakari (2022) dalam kajiannya yang menyebut tentang peranan yang dimainkan oleh beberapa individu penting dalam pembelajaran seseorang murid iaitu ibu bapa, rakan sebaya dan termasuk sikap murid itu sendiri. Faktor diri sendiri, merangkumi sikap, minat dan motivasi diri adalah faktor yang paling mempengaruhi seseorang dalam mendapatkan pendidikan yang sempurna. Dapatkan ini juga turut disokong oleh kajian Siti Masayu Rosliah dan Narimah Samat (2018), di mana sikap pasif atau negatif

murid di luar bandar sering dipamer seperti kurang keyakinan diri, kurang pergaulan yang membina, mudah terpengaruh dengan kawan-kawan, tidak menghargai masa depan, serta membelakangkan nasihat ibu bapa (Malaysia, 2001).

Selain itu, aspek komunikasi dan hubungan yang harmoni antara ibu bapa dan murid juga turut memainkan peranan penting dalam pembelajaran murid. Menurut Mohammad Fadzia Termize et al. (2021), komunikasi yang baik dan positif seperti pujian, galakan, harapan dan nasihat berlaku di antara ibu bapa dan murid serta hubungan kekeluargaan yang harmoni dapat meningkatkan dorongan dan motivasi. Hal ini seterusnya boleh menggalakkan peningkatan prestasi pencapaian anak-anak B40 dalam pembelajaran mereka.

Walau bagaimanapun, dapatan kajian menunjukkan bahawa gaya pengajaran guru yang bersifat tradisional adalah paling kurang mempengaruhi permasalahan pembelajaran murid sekolah rendah B40 berbanding dengan faktor lain. Dapatkan ini menunjukkan bahawa faktor gaya pengajaran guru yang tradisional bukanlah faktor penentu bagi permasalahan pembelajaran yang dialami murid sekolah rendah B40, bahkan jika dilihat pada perkembangan sistem pendidikan kini, guru dilihat mempunyai kemampuan dari segi pedagogi dan kepelbagaian gaya pengajaran yang kreatif serta berkeupayaan untuk mendidik murid-murid sekolah melalui Pembelajaran Abad Ke-21 (PAK 21), Pembelajaran Secara Atas Talian (*e-Learning*), serta dengan bantuan Bahan Bantu Mengajar (BBM) yang bervariasi.

Fenomena gaya pengajaran guru yang pelbagai ini turut dapat dilihat melalui teknik interaktif guru dalam pengajaran bahasa Arab (Dedek Febrian et al., 2017), kaedah permainan bahasa dalam pembelajaran bahasa Arab (Anismazini Mohd Zin, 2014), dan aktiviti lakonan dalam pengajaran bahasa Arab (Azani Ismail et al., 2012). Guru turut dilihat mempunyai gaya pengajaran yang kreatif selari dengan pengetahuan teknologi yang dimiliki oleh mereka (Muhammad Rusdi Ab Majid, Zawawi Ismail, 2018). Menurut Zuraidah dan rakan-rakan (2019), walaupun guru bukanlah faktor penentu bagi permasalahan pembelajaran murid B40, namun ia merupakan faktor yang sangat penting dalam mempengaruhi pencapaian akademik murid kerana guru adalah figura pembimbing dan penunjuk ajar dalam pembelajaran murid.

Pendekatan Pendidikan Alternatif Homeschooling Dalam Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Arab Untuk Murid Sekolah Rendah B40

Secara umumnya, kajian ini dijalankan adalah untuk melihat keperluan semasa pendekatan alternatif *homeschooling* terhadap pengajaran dan pembelajaran murid sekolah rendah B40. Oleh itu, penting bagi guru dan tutor bahasa Arab mengetahui secara asas mengenai istilah, definisi, dan kurikulum pendekatan pendidikan *homeschooling*. Pada masa yang sama, pengetahuan yang kukuh oleh guru dan tutor bahasa Arab terhadap kedudukan bahasa Arab, fungsinya dan kepentingannya juga perlu diambil kira. Justeru, dapatan kajian menunjukkan tahap pengetahuan umum guru dan tutor bahasa Arab terhadap *homeschooling* adalah berada pada tahap yang baik meliputi istilah dan definisi *homeschooling* iaitu pembelajaran anak-anak di rumah yang diselia ibu bapa sepenuhnya atau dengan bantuan tenaga pengajar, mengetahui *homeschooling* sebagai salah satu pendekatan pendidikan alternatif di Malaysia serta mengetahui bahawa waktu dan suasana pembelajaran semasa *homeschooling* adalah fleksibel.

Pada masa yang sama, dapatan kajian juga menunjukkan bahawa pengetahuan yang kukuh

dipamerkan oleh guru dan tutor bahasa Arab terhadap signifikasi khusus bahasa Arab sebagai bahasa asing atau bahasa kedua, fungsinya sebagai bahasa komunikasi, bahasa agama, serta mempunyai kedudukan yang unik serta masa depan yang cerah bukan sahaja di Malaysia, malah dalam dunia profesional. Ciri-ciri pengetahuan yang dimiliki oleh guru dan tutor bahasa Arab dalam kajian ini menunjukkan bahawa mereka mempunyai pengetahuan dan kefahaman yang tinggi terhadap fungsi dan kepentingan bahasa Arab di Malaysia.

Selain itu, dapatan juga menunjukkan bahawa terdapat keperluan yang tinggi terhadap pendekatan pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab yang lebih aktif, kreatif dan berpusatkan pelajar serta melibatkan perancangan dan kaedah yang baik bagi menghasilkan pembelajaran yang lebih efektif. Dapatkan ini adalah bertepatan dengan kajian Abdul Razif Zaini dan rakan-rakan (2017) di mana mereka menyatakan bahawa salah satu permasalahan pembelajaran yang berlaku dalam pembelajaran bahasa Arab adalah kurang kemahiran dalam menvariasikan kaedah pengajaran, berpuncanya daripada penggunaan kaedah pengajaran yang kurang tepat, sesuai dan berkesan. Dapatkan ini turut disokong oleh kajian Dedek Febrian dan rakan-rakan (2017) yang menyatakan bahawa guru cenderung menggunakan kaedah terjemahan teks semata, kurang menggunakan alat bantu mengajar dan kurangnya amali berkomunikasi bahasa Arab dalam kalangan murid.

Oleh itu, pendekatan pengajaran dan pembelajaran dalam bahasa Arab perlu diubah kepada gaya pembelajaran yang lebih efektif dan interaktif dalam menyampaikan dan melaksanakan pengajaran bahasa (Abdul Razif Zaini et al., 2017). Menurut Normazidah Mahmod (2012), guru-guru juga haruslah mampu menguasai dan menggabungkan kemahiran yang berkaitan kaedah pengajaran untuk melahirkan bentuk pengajaran yang lebih bermakna. Satu pendekatan pengajaran yang meletakkan fokus pembelajaran berpusatkan murid serta melibatkan mereka dalam setiap aktiviti pembelajaran, di samping mengamalkan kepelbagaiannya kaedah pendekatan pengajaran di dalam kelas adalah perlu dilaksanakan.

Berhubung dengan kriteria pendekatan pendidikan alternatif *homeschooling*, dapatan kajian menunjukkan bahawa guru dan tutor bahasa Arab dalam kajian terhadap cadangan kriteria-kriteria pendekatan pendidikan alternatif *homeschooling* yang dibina untuk pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab bagi murid sekolah rendah B40 memberi respon yang sangat baik dan positif. Kriteria-kriteria ini adalah merangkumi ciri-ciri modul, pelaksanaan, masa dan jenis aktiviti *homeschooling* bahasa Arab untuk murid sekolah rendah B40. Kriteria-kriteria modul yang dicadangkan adalah seperti hendaklah menepati matlamat Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) Bahasa Arab yang telah ditetapkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia, dan hendaklah sesuai dengan keperluan pembelajaran murid sekolah rendah B40.

Albert Allang dan rakan-rakan (2019) dalam kajiannya menyebut, kemiskinan dan kebuluran telah mempengaruhi perkembangan kognitif anak-anak B40, di samping mengakibatkan keperluan psikologi mereka terganggu. Kebanyakan anak-anak B40 mempunyai pandangan negatif terhadap diri, perasaan kekecewaan berpuncanya daripada keperluan yang tidak dapat dipenuhi serta tahap keyakinan diri yang rendah. Oleh itu, dalam merancang rangka pendidikan yang terbaik untuk murid-murid B40, pendidikan yang dapat memenuhi keperluan pembelajaran mereka perlu diutamakan, serta mengambil kira faktor perkembangan minda mereka dan keperluan psikologi mereka.

Seterusnya, dapatan kajian juga menunjukkan bahawa kriteria pendekatan pendidikan alternatif *homeschooling* yang baik dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab murid B40 adalah meliputi model *homeschooling* yang bersesuaian dengan murid sekolah rendah B40, di

samping berlaku dalam tempoh masa pembelajaran yang sesuai di tempat yang kondusif dan selamat. Hal ini adalah untuk memastikan agar pembelajaran murid B40 dapat berlangsung dalam suasana yang harmoni dan dalam ruang yang selamat, agar minda mereka boleh berfungsi pada tahap optimum. Dapatan ini selari dengan kajian Zarinah Arshat dan rakan-rakan (2018) yang menyatakan bahawa program sokongan kepada keluarga berpendapatan rendah dapat membantu ibu bapa dalam menyediakan persekitaran yang selamat dan kondusif kepada anak-anak mereka. Menurut *American Association Suicidology* dalam Albert Allang et al. (2019), persekitaran yang positif dalam keluarga, rakan sebaya, sekolah dan komuniti adalah penting dalam membantu menggalakkan perkembangan kognitif dan membekalkan keperluan yang efektif untuk murid yang ingin pintar secara akademik.

Manakala, pemilihan model *homeschooling* yang sesuai adalah penting agar murid B40 dapat meneroka minat dan kecenderungan mereka dalam pembelajaran bahasa Arab. Dapatan ini adalah bertepatan dengan kajian Nining Purwaningsih dan Puji Yanti Fauziah (2019) di mana menyatakan bahawa *homeschooling* merupakan model pembelajaran anak-anak yang menitikberatkan autonomi anak-anak tersebut untuk mempelajari apa sahaja yang mereka inginkan dengan bantuan ibu bapa dan tutor, serta memberi perhatian terhadap bakat, minat dan kecenderungan mereka dalam pembelajaran. Jenis pelaksanaan aktiviti yang dicadangkan dalam kajian ini turut mengandungi kriteria-kriteria yang relevan dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab. Dapatan kajian menunjukkan bahawa guru dan tutor bahasa Arab menunjukkan respon yang sangat baik dan positif terhadap jenis aktiviti berfokus kepada mendidik murid B40 dalam menguasai kemahiran asas mendengar, bertutur, membaca dan menulis, di samping mendidik mereka dalam menguasai asas berkomunikasi menggunakan ayat mudah dalam pembelajaran bahasa Arab. Selain itu, aspek Fardhu ‘Ain turut ditekankan bagi memberi penekanan kepada murid B40 dalam memahami dan menghayati amalan-amalan ini dalam kehidupan seharian mereka.

Dapatan ini adalah bertepatan dengan Zamri Ahmad dan Ibtisam Abdullah (2014) yang menyatakan bahawa pembelajaran bahasa Arab adalah bertujuan agar para pelajar dapat menguasai keempat keterampilan berbahasa iaitu; mendengar, membaca, menulis dan bertutur dan mampu menggunakan untuk berkomunikasi secara sederhana. Tambahan pula, kesemua kemahiran ini adalah perlu dikuasai oleh murid seiring dengan penggunaan bahasa Arab sebagai antarabangsa yang digunakan meluas dalam pelbagai bidang seperti politik, ekonomi, komunikasi, budaya dan sebagainya (Buku Panduan: Dasar, Pelaksanaan dan Pengurusan Kurikulum J-QAF, p. 123 dalam Majdi Haji Ibrahim & Akmal Khuzairey, 2018).

Penekanan kepada aspek pembangunan diri dan personaliti murid juga turut disertakan dalam jenis aktiviti *homeschooling* bagi pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab dalam kajian ini. Kriteria-kriteria seperti mendidik murid B40 untuk mengenal diri sendiri, bakat dan potensi mereka, di samping melatih mereka untuk sentiasa kuat semangat, bermotivasi dan terinspirasi untuk belajar melalui aktiviti-aktiviti pembelajaran yang menyeronokkan, interaktif dan berpusatkan pelajar, adalah penting dalam mengasah kemajuan diri dan sahsiah mereka. Dengan cara ini, murid B40 bukan sahaja cemerlang dalam aspek akademik sahaja, malah cemerlang dalam aspek akhlak dan sahsiah diri. Menurut kajian Bryan Looi (2019), antara faktor kebanyakannya ibu bapa mengamalkan *homeschooling* di Malaysia adalah kerana ingin menggalakkan perkembangan karakter dan moral yang sihat dalam diri anak-anak, di samping melindungi mereka daripada pengaruh-pengaruh negatif daripada persekitaran di sekolah. Selain itu, *homeschooling* juga membantu dalam membentuk pertumbuhan optimum anak-anak dan perkembangan pengetahuan, kelakuan dan kemahiran dalam mencapai

potensi mereka yang sebenar (Muhammad Yusron, Ainun Nadlif, 2021).

KESIMPULAN

Sebagai kesimpulannya, pendekatan alternatif *homeschooling* adalah satu pilihan pendidikan tambahan yang wajar diberi perhatian sebagai salah satu usaha intervensi dalam membantu murid-murid sekolah rendah B40 mengatasi permasalahan pembelajaran mereka. Kelebihan konsep *homeschooling* yang fleksibel, mengikut kurikulum tersendiri, serta penekanan terhadap suasana yang harmoni dan selamat dapat menawarkan sesi pengajaran dan pembelajaran yang efektif dan berkesan terhadap murid-murid B40. Tambahan pula, manfaat yang ada dalam konsep alternatif ini turut dilihat mampu membantu menambah nilai dan mengurangkan permasalahan-permasalahan yang timbul dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab. Empat aspek utama dalam merancang pendekatan alternatif *homeschooling* iaitu modul, pelaksanaan, masa dan jenis aktiviti adalah perlu dirangka dengan teliti agar ia dapat memenuhi keperluan pendidikan murid-murid B40 pada masa yang sama dapat mencapai tujuan pembelajaran selaras dengan matlamat pendidikan Kementerian Pendidikan Malaysia. Dalam usaha meningkatkan akses pendidikan yang berkualiti untuk semua murid serta merapatkan jurang pendidikan yang wujud, harapan agar pendekatan pendidikan alternatif *homeschooling* dapat menjadi jalan keluar bagi golongan-golongan keluarga B40 yang telah terhalang keupayaannya untuk meningkatkan kemajuan diri melalui konsep pendidikan yang versatil serta adaptif ini.

Walau bagaimanapun, beberapa aspek penting adalah perlu diambil kira seperti kesedaran dan komitmen ibu bapa B40 terhadap pembelajaran anak-anak mereka dan kekangan-kekangan yang wujud dalam keluarga B40. Di samping itu, kajian ini juga merupakan tinjauan awal dan tidak boleh diambil sebagai penyelidikan yang menyeluruh kerana kajian ini hanya melibatkan penyertaan responden yang kecil sahaja. Oleh itu, diharapkan agar lebih banyak lagi kajian lanjutan berkaitan pendekatan alternatif *homeschooling* terhadap golongan berpendapatan rendah dapat digiatkan pada masa hadapan.

KONFLIK KEPENTINGAN

Penulis tidak mempunyai sebarang konflik kepentingan sama ada daripada sudut kewangan dan sebagainya dalam menjalankan penyelidikan ini.

PENGHARGAAN

Sekalung penghargaan kepada Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) atas kelulusan Skim Geran Penyelidikan Fundamental (FRGS) FRGS/1/2021/SSI0/UNISZA/03/8 Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM), melalui Center for Research Excellence and Incubation Management (CREIM) UniSZA dengan Tajuk: Pembangunan Model *Homeschooling* Kelas Al-Quran Dan Fardu Ain (Kafa) Bagi Kanak-Kanak Dari Golongan B40.

RUJUKAN

- Abdullah, A. H., Sulaiman, A. A., & Ismail, A. (2015). Factors affecting motivation on learning arabic] faktor-faktor yang mempengaruhi motivasi. *Jurnal Islam Dan Masyarakat Kontemporari*, 10(1), 82–97. <https://doi.org/10.37231/jimk.2020.10.1.112>
- Abdul Rasid Jamian & Zulkafli Abu Zarin. (2008). Keupayaan kemahiran membaca dan menulis Bahasa Melayu murid sekolah rendah kebangsaan luar bandar. *Konvensyen Pendidikan Nasional 2008*. Anjuran Universiti Pendidikan Sultan Idris, 2 - 4 Jun 2008.
- Abdul Rasid Jamian, Norhashimah Hashim & Shamsudin Othman. (2012). Multimedia interaktif mempertingkatkan pembelajaran kemahiran membaca murid-murid Probim. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 2(2), 46-53.
- Abdul Razif Zaini, Noorshamsinar Zakaria, Hasmadi Hamdan, Muhammad Redzaudin Ghazali , & Mohd Rufian Ismail. (2019). Pengajaran bahasa Arab di Malaysia: Permasalahan dan Cabaran. *Jurnal Pengajian Islam*, 12(1), 47–57.
- Albert Allang, B., Mahzan Awang, M., Razaq Ahmad, A., & Ahmad, A., (2019). *Influenced factors of B40 students' academic achievement*. 2(1962), 171–175. <https://doi.org/10.32698/gcs.0192>
- Arshat, Z., Pai, F. S., & Ismail, Z. (2018). Keluarga B40: Tekanan dan kekuatan B40 family: Stress and strength. *Journal of Advanced Research in Social and Behavioural Sciences Journal Homepage*, 10(1), 91–102. www.akademibaru.com/arsbs.html
- Anisa Saleha. (2015). *Keterlibatan, sokongan pembelajaran dan pencapaian pelajar berdasarkan gender peringkat persekolahan dan lokasi*. Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Basham, P., Merrifield, J., R. Hepburn, C. (2007). *Homeschooling: From the extreme to the mainstream (2nd ed)*. Studies in Education Policy. The Fraser Institute, Canada: Vancouver BC.
- Bryan Looi Yung Hsin. (2019). *Factors influencing parental choice for homeschool centres in Penang, Malaysia*. School of Education, Languages and Communication, Wawasan Open University.
- Dedek Febrian, Maimun Aqsha Lubis, Irma Martiny Md Yasim, Nur Syamira Abdul Wahab. (2017). Teknik pengajaran bahasa arab interaktif di pusat bahasa arab negeri Selangor. *ASEAN Comparative Education Research Journal on Islam and Civilization (ACER-J)*, 1(1), 78-93.
- E. John Rajamony. (2008). *The malaysian experience in home schooling*. Faculty of Educational Studies, Universiti Putra Malaysia.
- Firdaus Abdul Manaf, M., Zaid Shamshul Kamar, M., Redha Mohamad, M., Mursyid Idris, I., & Kanan. (2021). Penerapan bahasa Arab dalam kurikulum kanak-kanak di Malaysia. *Jurnal Pengajian Islam*, 14(I), 13–19.

Ganesen. (2013). *Pengaruh keluarga terhadap pencapaian akademik murid India di sekolah Menengah Rendah*. Ph.D thesis, University of Malaya.

Hasan, Z., Ahmad, N. S., & Hashim, S. (2021). Resilien akademik dalam kalangan murid B40. *Journal of Educational Research and Indigenous Studies*, 3(1), 37–49. www.jerisjournal.com

Jabatan Perangkaan Malaysia. (2016). *Laporan penyiasatan pendapatan isi rumah dan kemudahan asas mengikut negeri dan daerah pentadbiran*. Putrajaya: Jabatan Perangkaan Malaysia.

Jamaludin, K. A., Alias, N., & Dewitt, D. (2015). Research and trends in the studies of homeschooled practices: A review on selected journals. *Turkish Online Journal of Educational Technology*, 14(3), 111–119.

Kim-Soon, N., Ahmad, A. R. Bin, Sulaiman, M. I. Bin, & Sirisa, N. M. X. (2015). *Homeschool in Malaysia: A foresight study*. *International Education Studies*, 8(10). <https://doi.org/10.5539/ies.v8n10p163>

Kitha Anjali. (2021). *Keciciran dalam pendidikan di Malaysia*. https://www.academia.edu/23788053/Keciciran_Dalam_Pendidikan_Malaysia

Kementerian Pendidikan Malaysia. (2013). *Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025*. Putrajaya: Bahagian Pembangunan Kurikulum.

Kementerian Pendidikan Malaysia. (2020). Putrajaya: Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan.

Mahamod, Z., Mazlan, R., Amin, N., & Abd. Rahman, M. Z. (2021). Tahap penguasaan kemahiran membaca dan menulis murid-murid B40 dalam pembelajaran Bahasa Melayu. *PENDETA: Journal of Malay Language, Education and Literature*, 12(1), 40-62. <https://ojs.upsi.edu.my/index.php/PENDETA/article/view/4979>

Majdi Haji Ibrahim, Akmah Khuzaairy Abd. Rahman. (2018). Teaching of arabic in Malaysia. *Intellectual Discourse*, 26(1), 189-206.

Masita Mt. Zin, Muhammad Nasri Md. Hussain, Abdullah Hj. Abdul Ghani. (2021). Kesan pembelajaran dan motivasi terhadap prestasi akademik pelajar. *Journal of Global Business and Social Entrepreneurship*, 7(21), 49-56.

Mohammad Fadzia, T., Ruhizan, M., & Ahmad, Z. (2021). Tahap sokongan ibu bapa dalam membantu pembelajaran murid B40 di sekolah luar bandar (Level of parental support in assisting the learning of B40 students in rural schools). *Jurnal Dunia Pendidikan*, 3(1), 707–717. <http://myjms.mohe.gov.my/index.php/jdpd>

Muhammad Rusdi Ab Majid, Zawawi Ismail. (2018). Pengetahuan teknologi guru bahasa arab dan hubungannya dengan kreativiti pengajaran di Malaysia. *Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari*, 18(1), 1-13.

- Nazilah Mohamad, Siti Zanariah Yusoff, Nor Hafizah Abdullah, & Sharipah Nur Mursalina Syed Azmy. (2017). Pengajaran dan pembelajaran bahasa arab: tinjauan awal peringkat sekolah rendah Terengganu. *Seminar Kebangsaan Bahasa Dan Kesusateraan Arab 2017*, 948–955. https://www.researchgate.net/publication/330887522_pengajaran_dan_pembelajaran_bahasa_arab_tinjauan_awal_peringkat_sekolah_rendah_terengganu
- Noraini Idris. (2013). *Penyelidikan dalam pendidikan: Edisi kedua*. Kuala Lumpur: McGraw Hill.
- Normazidah Mahmood. (2012). *Penggunaan kaedah pengajaran bahasa arab dalam kalangan guru peringkat sekolah rendah: Satu penilaian*. Fakulti Bahasa dan Linguistik, Universiti Malaya.
- Purwaningsih, N., & Fauziah, P. Y. (2020). *Homeschooling: An alternative education based on potential of children*. <https://doi.org/10.2991/assehr.k.200204.035>
- Rahman, M. N. A. (2014). *Pembangunan model homeschooling berdasarkan nilai dan amalan masyarakat bagi kanak-kanak Orang Asli*. Fakulti Pendidikan Universiti Malaya. <https://doi.org/10.16511/j.cnki.qhdxxb.2018.26.027>
- Ray, Brian D. (2000). Home schooling: The ameliorator of negative influences on learning? *Peabody Journal of Education*, 75 (1&2), 71-106.
- Ray, Brian D. (2017). A systematic review of the empirical research on selected aspects of homeschooling as a school choice. *Journal of School Choice*, 11(4), 604-621. DOI: 10.1080/15582159.2017.1395638
- Siti Masayu Rosliah Abdul Rashid, & Narimah Samat. (2018). Kemiskinan keluarga dan pengaruhnya terhadap tahap pendidikan rendah masyarakat luar bandar: Kajian kes di jajahan Bachok, Kelantan. *E-Bangi : Journal of Social Sciences and Humanities*, 13(2), 11–23. <https://www.proquest.com/openview/eacaac7b4d6cab0bd4c6284f8b0ae87f/1?pq-origsite=gscholar&cbl=616374>
- Subra, T., Abdullah, M. A. I. L., & Devi, K. (2019). Family'S Socio-Economic Influence on the Dropout of Indian Students: a Case Study in the District of Kuala Muda Kedah. *International Journal of Modern Trends in Social Sciences*, 2(9), 77–91. <https://doi.org/10.35631/ijmtss.29007>
- Wu, Cheng-Hsien. (2013). *Resilient journeys: A case study of why and how low-income families practice homeschooling*. College of Education & Human Services. West Virginia University.
- Yusron, M., & Nadlif, A. (2021). Homeschooling as alternative education in the era of the Covid 19 pandemic. *Nazhruna: Jurnal Pendidikan Islam*, 4(2), 383–394. <https://ejournal.ikhac.ac.id/index.php/NAZHRUNA/article/view/1584>
- Zamri Ahmad, Ibtisam Abdullah. (2014). Metode pengajaran dan pembelajaran bahasa arab berasaskan empat kemahiran. *Prosiding Seminar Pengajaran & Pembelajaran Bahasa Arab*.

- Zakari, N. A., Abd. Majid, M. Z., & Hussin, M. (2022). Keciciran murid sekolah di Malaysia: Suatu pemerhatian awal. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 7(2). <https://doi.org/10.47405/mjssh.v7i2.1288>